

19 JUN 1999

Umno-Pilihan raya (Annuar)

UMNO DENGAN KEHADIRAN KU LI CERAHKAN PELUANG DI KELANTAN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Kehadiran semula Tengku Razaleigh Hamzah dalam Umno akan mencerahkan peluang Barisan Nasional untuk menawan Kelantan kerana bekas Presiden Semangat 46 itu mampu membantu mendapatkan tambahan antara enam dan 12 peratus lagi undi yang diperlukan BN untuk menang.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa hari ini berkata selepas pilihan raya 1995, BN mempunyai 46 peratus daripada keseluruhan undi walaupun tanpa Semangat 46 ketika itu.

"Kita memerlukan 6 hingga 12 peratus (undi) untuk membentuk kerajaan. Dengan kembalinya Ku Li ke dalam Umno dan semua orang bekerjasama...enam peratus bukannya sesuatu yang mustahil untuk didapatkan. Kita harus bersedia untuk berkorban.

"Kita memerlukan majoriti mudah. Saya berpendapat kita mempunyai peluang yang cerah dengan adanya Ku Li (dalam Umno)," katanya.

Beliau memberitahu pemberita semasa perhimpunan agung Umno di sini hari ini bahawa Tengku Razaleigh seorang pemimpin yang lebih baik dan berkebolehan berbanding dirinya dan bersedia menyerahkan jawatannya sebagai timbalan pengerusi badan perhubungan negeri kepada Tengku Razaleigh.

Beliau menjelaskan cakap-cakap mengenai kemungkinan bekas pemimpin Semangat 46 itu yang lebih dikenali sebagai Ku Li dilantik sebagai pengerusi perhubungan Umno negeri. (Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini memegang jawatan itu).

Annuar menjelaskan bahawa semasa beliau mengambil alih sebagai timbalan pengerusi (Umno negeri) pada 1990, BN memperolehi 26 peratus daripada keseluruhan undi pada pilihan raya itu dan ia meningkat 46 peratus pada 1995 yang masih tidak cukup untuk membentuk kerajaan.

Katanya BN buat masa ini mempunyai sembilan kerusi Parlimen dan 18 kerusi negeri di Kelantan.

Beliau menyifatkan Tengku Razaleigh sebagai ahli politik yang berkebolehan dan berpengalaman yang akan memberi sumbangan besar kepada pilihan raya akan datang.

Katanya kedudukan dalam Umno sememangnya merupakan atas budibicara presiden parti dan anggota-anggota harus mendisiplinkan diri mematuhi sebarang keputusan yang dibuat oleh pemimpin Umno.

Annuar berkata beliau telah memberitahu Tengku Razaleigh hasratnya (untuk melepaskan jawatan) sebelum Tengku Razaleigh menyertai Umno semula kerana beliau mahu Tengku Razaleigh kembali ke pangkuan parti.

"Yang mana lebih penting? Untuk menjadi orang besar dalam sebuah kapal kecil yang akhirnya akan tenggelam atau menjadi orang kecil dalam kapal besar yang selamat, saya memilih yang kemudian," katanya.

-- BERNAMA

SHO RON